

UTHM hantar dua mesin hemodialisis ke HUSM

Silalah
Call 2015
SH 28

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) komited melakukan kerja amal membantu mangsa banjir di Pantai Timur sejak hujung tahun lalu.

Terkini, universiti berkenaan menghantar dua unit mesin hemodialisis milik institusi itu ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian, Kelantan.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UTHM, Shafry Salim berkata, keperluan mendadak terhadap peralatan itu mendorong pihaknya menghantar ia ke sana.

Menurutnya, penghantaran mesin itu dibuat melalui penyelarasan oleh pihak Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM).

Jelasnya, bantuan mesin hemodialisis itu adalah sebahagian bantuan kemanusiaan yang digerakkan di bawah Pusat Gerakan Bencana Alam UTHM yang mula beroperasi sejak 25 Disember lalu.

"Misi pertama telah dilakukan pada 28 Disember ke Kuala Lipis, Pahang, di mana ketika itu bantuan berbentuk barangan keperluan harian disumbangkan.

"Penyerahan mesin hemo-



Mesin hemodialisis yang dihantar oleh UTHM ke HUSM kini diguna untuk keperluan mangsa banjir.

dialisis ini dimasukkan dalam misi bantuan kedua, kerana permintaan yang amat memerlukan peralatan berkenaan," katanya.

Shafry berkata, melalui misi ketiga yang turut di bawah Pusat Bencana Alam UTHM yang beroperasi selama 24-jam sejak ia dibuka, dijangka akan bergerak dalam masa yang terdekat ini.

Beliau berkata, dalam misi terbabit ia melibatkan konvoi 11 kenderaan yang membawa barangan keperluan dan peralatan pembersihan ke Temerloh, Pahang dan

Gua Musang, Kelantan.

"Dalam misi tersebut, ia akan melibatkan 100 sukarelawan yang terdiri daripada kakitangan dan pelajar UTHM dengan memfokuskan kerja pembersihan di premis tertentu seperti bangunan awam, dewan dan pejabat kerajaan.

"Orang ramai sekitar daerah Batu Pahat yang ingin menyalurkan sumbangan mereka boleh menghubungi Pusat Gerakan Bencana Alam UTHM yang dibuka 24-jam di talian 07-453 3442 atau emal ke opsbanjir@uthm.edu.my," katanya.